

Cita rasa dua benua



Nampaknya Proton Exora benar-benar mengotakan apa yang ada pada *taglinenya* - Anda Pasti Terpegun. Exora tampil dengan reka bentuk seakan-akan gabungan cita rasa jentera Eropah dan Asia.

Oleh AHMAD SYUKRAN ZAINUDDIN
ahmadsyukran.zainuddin@kosmo.com.my

JARAK sesi pandu uji kali ini tidak jauh, hanya sekitar 35 kilometer. Bermula dari Cyberview Lodge, Cyberjaya, perjalanan menyusuri lebuhraya ke Putrajaya, sebelum mendaki laluan berbukit menuju ke Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Di dalam kenderaan ini, semua mata dan telinga menjadi peka. Mahu menilai sebagus mana buatannya, selain cuba mencari apa jua kekurangan yang boleh dijadikan bahan untuk diperhalusi dan ditambah baik pada kemudian hari.

Akhirnya, majoriti yang berpeluang memegang stereng berwarna kelabu itu harus bersetuju. Ini merupakan satu kenderaan yang mampu menepati sebahagian besar ekspektasi pengguna yang tidak pernah adil.

Setelah sekian lama bereksperimentasi dengan produk untuk segmen sedan dan kompak, pengeluar kereta tempatan, Proton cuba keluar dari zon selesa itu dengan memperkenalkan model kenderaan pelbagai guna (MPV).



SYED ZAINAL yakin Exora menjadi pilihan bagi mereka yang mahu menukar sedan kepada MPV.

nya Proton dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam satu majlis yang cukup meriah di Kuala Lumpur Convention Centre.

Memilih nama Exora yang bunyinya sedikit feminin melalui satu pertandingan khas, MPV itu sememangnya menjadi medan ujian buat Proton.

Apa lagi kalau bukan untuk membuktikan kemampuannya menghasilkan satu produk yang berdaya saing. Bukan setakat dalam negara, malah melangkaui sempadan geografi Asia Tenggara.

Ini ditegaskan lagi oleh Pengarah Urusan Proton Holdings Bhd., Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir yang menyifatkan pasaran domestik buat Proton meliputi negara-negara di rantau ASEAN.

Inisiatif memperkenalkan Exora dilihat tepat pada hari ini kerana MPV menjadi segmen yang paling pantas berkembang dengan angka jualan mencecah 60,000 unit setahun.

Walaupun banyak pihak beranggapan Proton sepatutnya menghasilkan model MPV sejak dahulu lagi, perlu diingatkan bahawa Proton membina model-model barunya daripada satu lakaran kasar.

Je bukannya mengambil satu kende-

Ramai yang tidak sabar menanti produk daripada Proton itu. Kini, segala persoalan dan skeptikal terjawab. Malam semalam, MPV pertama binaan sepe-



Ia bukannya mengambil satu kenderaan yang sudah siap dan dipasang dengan beberapa komponen buatan tempatan serta ditampal dengan lencana Proton.

“Mungkin ada yang beranggapan Exora akan gagal seperti model Proton Juara. Tetapi, insya-Allah Exora akan di-

EXORA dijangka mampu menarik minat pembeli tempatan sebelum melebarkan pasarannya ke Asia Tenggara dan negara-negara Asia Barat dan Eropah.

terima baik kerana ia dibina dengan penuh ketelitian dan mengambil kira segala aspek yang dimahukan daripada sebuah MPV," kata Syed Zainal.

Exora yang dihasilkan dalam tempoh 18 bulan dan menggunakan platform serba baru dengan pelaburan melebihi RM480 juta itu sememangnya layak menerima pujian.

Penampilan fizikalnya seakan-akan memiliki gabungan reka bentuk MPV dari Eropah dan Asia. Ia menyatukan cita rasa mereka yang gemarkan jentera *continental* atau dari Jepun.

Bahagian hadapannya nampak kemas dengan sepasang lampu utama yang menirus. Gril radiator yang nipis dipadankan bersama bumper yang lengkap dengan lampu kabus.

Sementara tarikan utama bahagian belakang Exora banyak tertumpu kepada rekaan perumah lampu LED yang mencecah ke bahagian bumbung.

Biarpun tidak menggunakan pintu jenis gelongsor, penumpang masih boleh keluar masuk dengan mudah kerana bukaan pintunya yang luas. Dari arah sisi, kita akan dapat melihat garis konturnya yang kemas, di samping rekaan bumbung yang mendarat.

Ini sekali gus memberikan ruang cukup luas kepada mereka yang duduk di baris tempat duduk ketiga dan walaupun untuk mereka yang berketinggian melebihi 180 sentimeter.

Ruang kabin Exora jelas membuktikan bahawa kualiti tidak diberi sebarang kompromi. Tidak ada lagi plastik murah di bahagian papan pemuka, corong pendingin hawa, panel sisi atau sterengnya.

Malah, material berwarna kelabu itu hadir bersama tekstur. Ia sesuatu yang baru untuk model keluaran Proton. Konsol tengah dipasang dengan unit audio berjenama Clarion, di samping tombol kawalan pendingin hawa.

Kualiti tempat duduknya juga memuaskan. Bagi memberikan ruang kargo yang luas, kerusi ini boleh dilipat

Spesifikasi Proton Exora

- **Enjin:** Campro CPS 4 silinder DOHC 16V
- **Kuasa maksimum:** 125 hp @ 6,500 rpm
- **Tork maksimum:** 150 Nm @ 4,500 rpm
- **Suspensi hadapan:** topang MacPherson
- **Suspensi belakang:** torsion beam
- **Keselamatan:** beg udara SRS berkembar, ABS, EBD, back up EBD
- **Brek hadapan:** cakera ventilasi
- **Brek belakang:** gelendong
- **Kapasiti tangki:** 55 liter
- **Harga:** Medium-Line (RM69,998) dan High-Line (RM75,988)

dengan mudah. Cukup sekadar menarik tali di bahagian atas tempat duduknya, ruang ini boleh diratakan melalui enam konfigurasi, bergantung kepada keperluan.

Exora digerakkan oleh unit enjin berkapasiti 1.6 liter yang dihasilkan sendiri oleh pihak Proton. Enjin Campro CPS (*Cam Profile Switching*) yang dilengkapi dengan sistem VIM (*Variable Intake Manifold*) itu juga digunakan pada model sedan Proton seperti Gen2 CPS serta Waja CPS.

Inilah topik yang sering menjadi perbualan. Adakah enjin tersebut cukup berkuasa untuk membawa beban tujuh orang penumpang sambil mendaki bukit, misalnya. Secara ringkasnya, saya boleh katakan bahawa enjin itu perlu bekerja keras untuk mencapai momentumnya.

Pendek kata, ia akan berada dalam gear ketiga agak lama bersama dengan



BUKAAN pintu yang luas.

deruman enjin yang dapat didengar agak jelas dari dalam kabin. Namun, sebaik sahaja enjin ini mula memasuki lengkung kuasanya, bunyi keras enjin akan hilang dan jentera akan dapat berfungsi secara efisien.

Malah pada kelajuan 100 km/j, jarum rpm akan berlegar pada angka 3,000 rpm. Bagaimanapun, kuasa torknya perlu diperbaiki. Dengan kapasiti seramai enam orang, Exora terasa sedikit berat apabila hendak bergerak dari titik pegun.

Memandangkan sebuah MPV harus dipandu dalam keadaan rileks, jadi enjin Exora boleh dikatakan agak memuaskan. Saya sebenarnya tidak sabar menunggu varian Exora yang akan dilengkapi dengan enjin Campro CPS turbo.

Kolaborasi antara enjin dengan transmisi automatik empat kelajuan itu juga cukup baik. Anda boleh mengharapkan pemanduan yang lancar, di samping keselesaan dan tahap NVH yang begitu memuaskan.

Proton mendakwa Exora mampu bergerak sejauh 100 kilometer dengan hanya 7.2 liter petrol. Tetapi, harus diingat bahawa ia dilakukan dalam kondisi terkawal, iaitu sekitar kelajuan 90 kilometer sejam.

Bersaing dengan model seperti Nissan Grand Livina, Toyota Avanza, Naza Citra II Rondo dan Hyundai Matrix, Proton menasarkan jualan sebanyak 2,500 unit Exora sebulan. MPV itu juga

Perbandingan spesifikasi



Toyota Avanza 1.5G A/T

- **Enjin:** 4 silinder sebaris, 16 injap DOHC VVT-i
- **Kuasa maksimum:** 80kW (109 PS) @ 6,000 rpm
- **Tork maksimum:** 141 Nm @ 4,400 rpm
- **Transmisi:** 4 kelajuan automatik
- **Suspensi hadapan:** Topang MacPherson dengan bar penstabil
- **Suspensi belakang:** 4-Link Coil Spring
- **Brek hadapan:** cakera
- **Brek belakang:** gelendong
- **Keselamatan:** ABS, EBD, 2 beg udara SRS
- **Harga:** RM74,300



Nissan Grand Livina 1.6

- **Enjin:** 4 silinder sebaris dengan teknologi Drive-by-Wire, DOHC, 16 injap
- **Kuasa maksimum:** 77kW (105 PS) @ 5,200 rpm
- **Tork maksimum:** 150 Nm @ 4,400 rpm



EXORA tidak berkompromi dengan keluasan kabin untuk keselesaan penumpangnya.



PAPAN muka yang kemas menggunakan warna latar hitam dan kelabu.



KERUSI belakang boleh dilipat untuk menambah keluasan kargo.



SKRIN lengkap dengan slot USB.

2,500 unit Exora sebuah MPV itu juga bakal membuat penampilan di Indonesia pada bulan Julai nanti, selain menjangah ke pasaran Thailand dan Asia Barat.

Exora ditawarkan dengan enam varian warna termasuklah hitam, putih, perak, biru dan coklat. Buat masa ini, anda boleh memilih Exora daripada varian *Medium-Line* dan *High-Line* bertransmisi automatik sahaja.

Pengumuman yang baru dibuat semalam semasa pelancarannya varian-*Medium-Line* dijual pada harga RM69,998 di atas jalan manakala *High-Line* pula RM75,988.

Model *High-Line* hadir bersama tempat duduk kulit, sistem navigasi, *cruise control* dan skrin LCD, di samping pelbagai penambahan aksesori lain.

"Kami kini sedang bersedia untuk menembusi pasaran United Kingdom dan Eropah," tambah Syed Zainal, optimis.

- 5,200 rpm
- **Tork maksimum:** 150 Nm @ 4,400 rpm
- **Transmisi:** 4 kelajuan automatik dengan torque converter
- **Suspensi hadapan:** Topang MacPherson dengan bar penstabil
- **Suspensi belakang:** torsion beam
- **Brek hadapan:** cakera ventilasi
- **Brek belakang:** gelendong
- **Keselamatan:** ABS, EBD, BA
- **Harga:** RM88,600 (di atas jalan)



Naza Citra II Rondo Ex 2.0L

- **Enjin:** 4 silinder sebaris, DOHC CVVT, 16 injap
- **Kuasa maksimum:** 145 hp @ 6,000 rpm
- **Tork maksimum:** 189 Nm @ 4,250 rpm
- **Transmisi:** 4 kelajuan automatik
- **Suspensi hadapan:** Topang MacPherson dengan bar penstabil
- **Suspensi belakang:** pegas gegelung multi link
- **Brek hadapan:** cakera ventilasi
- **Brek belakang:** gelendong
- **Keselamatan:** dua beg udara, ABS, EBD dan kerangka yang diperkukuh
- **Harga:** RM84,888 (di atas jalan)